

27/05/1997

Menyelami wibawa pemimpin tersohor

Maarop Noh

JERMAN menjadi negara hampir papa selepas Perang Dunia Pertama. Rakyatnya kehilangan jati diri dan imej di mata dunia. Hitler yang berkuasa pada 1933 menyedari potensi bekerja dan cita-cita rakyat Jerman. Tetapi oleh kerana keadaan tertekan selepas kalah perang, mereka seperti tidak dapat bergerak dan dalam keadaan terdesak memerlukan seorang penggerak dan pembakar semangat yang berwibawa. Dengan menggunakan kepakaran berpidato, Hitler menggerakkan semula semangat rakyat Jerman dan memberikan keyakinan baru serta ketuanan yang tinggi.

Eva Peron menjanjikan harapan tinggi kepada rakyat Argentina. Eva yang mewarisi kepemimpinan suaminya meraih pemujaan seolah-olah wali ketika meninggal dunia pada 1952. Eva Peron yang lebih dikenali dengan panggilan Evita meyakinkan rakyat Argentina bahawa hanya dia yang mampu meningkatkan taraf hidup rakyat Argentina. Eva menjadikan dirinya contoh yang perlu diikuti. Menurutnyanya dia yang dulunya seorang miskin dan hidup di kawasan melarat dan sesak di Argentina berjaya melepasi segala rintangan hingga menjadi pemimpin mereka. Kejayaan Eva itu dikagumi rakyat dan dia berjaya mempengaruhi rakyat Argentina. Mereka memuja dan menurut perintahnya.

Kedua-dua contoh itu adalah bukti bagaimana seseorang pemimpin perlu mempertalikan diri dan bersandar kukuh kepada rakyat. Malah tanpa sokongan rakyat seseorang pemimpin tidak layak dipanggil pemimpin. Rakyat adalah roh dan jasad kepada kepemimpinan. Jasad dan fikiran pemimpin pula adalah manifestasi jasad dan roh rakyat. Pertalian itu adalah peraturan alam yang wujud sejak manusia mengenal kepemimpinan.

Malah Islam sebagai agama dan pelengkap sistem kehidupan di dunia tidak ketinggalan menyentuh gugusan kepemimpinan. Ini jelas disebut dalam al-Quran bahawa Allah 'menjadikan manusia membawa misi khalifah (pemimpin) di bumi' (Al-Quran: al-Baqarah, ayat 30) dan hadis Rasulullah bermaksud: "Setiap kamu adalah pemimpin; bapa adalah pemimpin, isteri adalah dan setiap kamu akan disoal segala kepemimpinan."

Proses kepemimpinan bukan sesuatu yang tetap. Ia berubah menurut suasana serta situasi. Mahatma Gandhi misalnya memimpin India dan menuntut kemerdekaan secara lunak. Dia terpilih di tengah penderitaan rakyat India yang terbelenggu di bawah penjajahan. Rakyat gelisah dan menginginkan seseorang yang mampu menarik mereka keluar dari lembah kehinaan, tertindas rohani dan jasmani. Gandhi muncul dan seperti menyahut panggilan rakyat. Dengan menggunakan kebijaksanaan psikologi dan tidak mahu menggunakan kekerasan Gandhi berjuang dan membawa keluar rakyatnya ke tahap peribadi bebas jasad dan fikiran.

Muhammad Ali Jinnah membentuk Pakistan menerusi perpaduan masyarakat Islam yang melihat kesempatan daripada perjuangan kemerdekaan India dan peribadi Gandhi. Muhammad Ali Jinnah menuntut kemerdekaan dari India yang ketika itu memerlukan kesatuan rakyat yang padu. Tetapi Ali Jinnah licik menggunakan strategi berlapis bahawa umat Islam di India tidak akan aman tanpa mempunyai negara sendiri. Dia berjaya mempengaruhi Britain dan Pakistan lahir di tengah keghairahan kemerdekaan India.

Begitu juga Sukarno menjadi pemimpin ketika Indonesia memerlukan penyelamat daripada tangan penjajahan Belanda. Walaupun ada semacam unsur kebetulan dalam semua kejayaan dan pemilihan pemimpin itu, tetapi mereka mencipta sejarahnya sendiri. Setiap seorang daripada mereka ada unsur pendorong yang menolaknya ke atas untuk jadi pemimpin. Tanpa kuasa tolak dan tarik itu tidak mungkin seseorang itu, walau bijak sekalipun mereka

atau kuat keinginan dan bakat mereka, tidak akan jadi pemimpin jika tidak ada sebab yang mendorong mereka untuk jadi pemimpin.

Curazon Aquino dari Filipina dan Benazir Bhutto dari Pakistan adalah contoh terkini bahawa faktor tolak dan tarik itu berfungsi. Aquino dilantik jadi Presiden Filipina selepas suaminya ditembak mati. Begitu juga Benazir dipilih kerana simpati rakyat Pakistan terhadap pembunuhan bapanya, Ali Bhutto. Kedua-duanya mempunyai faktor tolak yang kuat. Rakyat bersimpati kepada mereka adalah faktor tolakan itu, sementara pembunuhan menjadi faktor tarikan untuk rakyat bersimpati.

Cara setiap pemimpin juga berbeza. Ada yang menggunakan strategi berlapis sehingga sukar difahami. Misalnya, Presiden Saddam Hussein dari Iraq dan Clinton dari Amerika mempunyai pendekatan yang sukar diselami. Tetapi kedua-duanya mempunyai strategi yang hebat. Clinton, misalnya dalam usahanya untuk memenangi pilihan raya presiden bagi kali kedua mengapi-apikan aktivis Kurdis di utara Iraq. Apabila kaum Kurdis membuat kacau, Presiden Saddam yang dapat membaca yang tersirat daripada strategi Clinton itu menghantar tentera untuk menyerang pemberontak Kurdis.

Sebagai tindak balas, Clinton menghantar jet pejuang dan mengebom kedudukan tentera Iraq. Pada lahirnya dunia mengutuk tindakan Amerika. Tetapi yang tersirat perbuatan itu adalah gimik politik Clinton dan Saddam sendiri. Ini jelas apabila Clinton berjaya menarik kepercayaan rakyatnya untuk memilihnya jadi Presiden Amerika sekali lagi. Sementara Saddam Hussein pula mendapat apa yang dihajatnya - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membenarkan Iraq menjual minyak untuk membeli perubatan.

Pendekatan dan cara kepemimpinan seseorang pemimpin itu mempengaruhi dan kadang-kadang menggetarkan persekitarannya. Kadang-kadang kita rasa ada kecemburuan antara seorang pemimpin dengan yang lain. Contoh terdekat ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau dipuja rakyat negara ini dan negara membangun. Suaranya yang begitu lantang membela golongan teraniaya di pelosok dunia, seperti Bosnia-Herzegovina, Palestin, Chehnya. Kelantangannya itu menjadi daya tolakan penting terhadap penonjolan keperibadiannya. Tetapi dalam waktu yang sama kelantangan itu juga menjadi daya tarikan keras kepada sesetengah pihak untuk tidak menyenangnya. Bagi sesetengah pemimpin kewibawaan Dr Mahathir membayangkan kehebatan mereka. Dr Mahathir dianggap berjaya mengimbangi kekuatan dan imej mereka kerana itu ada usaha untuk mencalarkan imej pembela negara Selatan-Selatan itu.

Dr Mahathir mempunyai pelbagai idea yang melangkaui jangkauan fikiran sesetengah pihak. Malah kadang-kadang rakyat negara ini turut terkeliru. Tetapi apabila dijajari yang tersirat, jelaslah ideanya mempunyai kekuatan yang tersendiri dan melangkaui zamannya. Ini jelas apabila Dr Mahathir mengumumkan pembentukan Koridor Raya Multimedia yang dianggap sebagai merentas sempadan dunia. Koridor Raya Multimedia menepati konsep perkampungan sejagat yang pernah dipercikkan oleh Marshal McLuhan dalam bukunya *Walden Two*, menggarap kepakaran teknologi maklumat yang tinggi.

Bagi Dr Mahathir rakyat Malaysia tidak akan menguasai teknologi maklumat tanpa mempunyai wadah teknologi tinggi. Beliau menyediakan prasarannya. Beliau membina satu dimensi baru pembangunan negara dan bangsa - menerusi Koridor Raya Multimedia - dan membuka tabir sempadan niaga tanpa halangan.

Rancangan itu, bagaimanapun ternyata menyentak perasaan sesetengah pihak. Ini terbukti apabila ada pemimpin negara tertentu yang merasakan kehebatan negaranya mulai tersaing. Ada yang beranggapan Dr Mahathir seperti membina tembok tinggi untuk menggerunkan lawan. Keadaan ini biasanya berlaku dalam peperangan psikologi. Dan sudah ada yang terasa kegerunan itu sehingga mereka terlatah mengeluarkan pelbagai kenyataan dengan harapan menarik perhatian pihak lain supaya tidak terpengaruh dengan 'tembok' itu. Tetapi Dr Mahathir dan rakyat Malaysia tidak

sedikitpun tersentak dengan gertak itu.

Kesimpulannya, pemimpin adalah seorang yang mempunyai kuasa tolak dan tarik yang penting. Hitler mengembalikan ketuanan rakyat Jerman. Eva Peron menjanjikan kemewahan. Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad mengangkat martabat bangsa Melayu ke taraf dunia dan mengarcakan nama negara di pentas antarabangsa.

Secara logik dari sini kita boleh berfikir apakah jenis pemimpin yang diperlukan sebagai penerus kepemimpinan masa depan. Ini penting bagi kita yang inginkan penerusan pembentukan budaya membangun selaras matlamat negara maju menjelang tahun 2000.

(END)